

PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA DALAM PENDIDIKAN FORMAL

PENGAJARAN YANG DIPEROLEH DARIPADA PROGRAM TINDAKAN PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

APAKAH PROGRAM TINDAKAN PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA?

Program Tindakan Pendidikan Hak Asasi Manusia (REAP) adalah inisiatif pembelajaran hak asasi manusia selama 10 tahun yang dipimpin oleh Amnesty International Norway. REAP telah dilaksanakan oleh Amnesty International di Israel, Malaysia, Moldova, Maghribi, Poland, Rusia, Slovenia, Afrika Selatan, Thailand dan Turki. Setelah menaksir keperluan tempatan, rakan kongsi projek REAP telah memilih topik hak asasi manusia khusus yang relevan kepada kumpulan sasaran mereka dan konteks hak asasi negara tersebut. Teras REAP adalah “pengganda” – individu, melalui peranan atau kedudukan mereka dalam masyarakat, berupaya mempengaruhi lebih ramai individu atau kumpulan. Melalui REAP, rakan kongsi projek mewujudkan impak hak asasi yang positif dan menyumbang kepada matlamat Amnesty International untuk membina budaya hak asasi manusia di seluruh dunia.

PENDIDIKAN HAK ASASI DALAM PENDIDIKAN FORMAL

REAP telah berusaha bersama-sama pakar-pakar di sekolah, kolej dan universiti untuk menyepadukan pendidikan hak asasi manusia ke dalam kurikulum dan aktiviti kokurikulum. Dengan melatih guru sebagai



© Zouikha

Wanita remaja mengambil bahagian dalam Hari bagi Darfur di Rabat, Morocco.

pengganda, REAP telah menjadikan bilik darjah sebagai forum pendidikan hak asasi manusia. REAP juga telah berganding bahu dengan kaunselor, pustakawan, kakitangan pentadbiran dan individu yang bekerja di pusat latihan pendidikan untuk meningkatkan kesedaran tentang bagaimana isu hak asasi mempengaruhi kerja mereka. Amnesty International juga telah berjaya melaksanakan inisiatif REAP dalam bentuk tindakan dan menyepadukan hak asasi ke dalam pendidikan melalui

kerjasama dengan kerajaan pusat dan tempatan. Pelaksanaan REAP dalam sektor pendidikan formal telah membuka peluang untuk pembangunan kurikulum dan inovasi dalam sumber pendidikan hak asasi manusia dan telah membantu membangunkan kaedah komprehensif dalam meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan memperkasakan individu dari pelbagai lapisan umur.





‘Sebelum saya belajar tentang Amnesty International, saya tidak menggunakan hak asasi manusia dalam aktiviti pendidikan saya. Sekarang saya mengajar kelas hak asasi manusia, tindakan, bengkel, dan kursus-kursus pilihan.’

Rakan kongsi REAP, Rusia

BEKERJA DENGAN KERAJAAN PUSAT DAN TEMPATAN

Kunci kejayaan dalam pendidikan hak asasi manusia dalam bentuk pendidikan formal adalah pembentukan perkongsian kerjasama dengan badan-badan kerajaan berkaitan, khususnya kementerian pendidikan. Perkongsian ini telah membolehkan Amnesty International bekerjasama dengan sekolah dan para pendidik di peringkat nasional. Rakan kongsi REAP mengadakan mesyuarat dan sidang akhbar secara berkala dengan kementerian pendidikan mereka untuk mendapatkan sokongan bagi aktiviti REAP, dan ini telah menghasilkan pakatan yang bermakna dengan jabatan pendidikan tempatan, yang telah menyokong dan menggalakkan program latihan REAP.

Pada tahun 2004, Amnesty International Moldova telah menandatangani perjanjian perkongsian dengan Kementerian Pendidikan Moldova untuk membangunkan bahan pendidikan dan latihan guru dalam bidang hak asasi manusia. Amnesty International Moldova menyifatkan ini sebagai satu pencapaian yang penting bagi usaha REAP di dalam bilik darjah. Dalam Majlis Perbandaran Chisinau, perjanjian perkongsian kerjasama di antara Amnesty International Moldova dengan jabatan

pendidikan tempatan telah membawa kepada lebih banyak sesi latihan pendidikan hak asasi manusia bagi para guru sekolah di peringkat daerah. REAP juga telah mengadakan kelab hak asasi manusia di sekolah di Moldova, dan telah membuka lima pusat sumber setempat untuk golongan belia dalam usaha menyokong aktiviti mereka.

Amnesty International Morocco telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Nasional dan akademi-akademi latihan dan pendidikan daerah untuk membangunkan kemahiran guru dan fasilitator kelab hak asasi manusia di sekolah-sekolah. Empat ratus guru dan kakitangan pentadbiran telah dilatih sebagai pengganda, dan mereka ini kemudiannya menubuhkan jawatankuasa untuk memastikan kesinambungan, terutamanya untuk tujuan latihan kakitangan. Peserta REAP di kesemua 16 akademi pendidikan daerah di Morocco juga telah menubuhkan kelab hak asasi manusia, yang telah mengukuhkan lagi pendidikan hak asasi manusia dalam bilik darjah.

MELATIH PARA PENDIDIK

Salah satu aktiviti utama REAP ialah bekerjasama dengan, dan melatih para guru dan kakitangan lain untuk menjadi

‘Kami bekerjasama dengan para guru dalam isu hak asasi manusia umum, meningkatkan kesedaran tentang nilai hak asasi manusia, supaya mereka boleh menyepadukan prinsip dan nilai ini ke dalam kehidupan sehari-harian mereka.’

Lilia Savciuc, Amnesty International Moldova



pengganda pendidikan hak asasi manusia. Usaha ini telah menunjukkan hasil yang paling ketara dan berlanjutan, terutamanya di negara yang mencurigai dan menentang aktivisme hak asasi manusia. Contoh usaha REAP dengan pengganda yang paling berjaya adalah latihan guru-guru di Rusia. Di sini, guru diberi latihan asas dan tahap pertengahan, selepas itu kursus lanjutan diberi kepada pelatih sebagai usaha susulan. Kaedah ini menawarkan sokongan yang berterusan kepada para guru dalam kerja mereka dan memastikan kesinambungannya. Sebagai hasil, para pengganda ini menunjukkan tahap motivasi peribadi dan minat yang tinggi dalam usaha menyepadukan hak asasi manusia di sekolah, termasuklah mengajar subjek menggunakan kaedah penyertaan dan interaktif.

Dengan tunjuk ajar dan sokongan daripada guru mereka, pelajar juga bertindak balas secara sukarela dengan mengorbankan masa mereka untuk menegakkan hak asasi manusia, yang kebanyakannya merupakan kali pertama mereka. Para pelajar telah memulakan aktiviti mereka sendiri, seperti menulis surat kepada kerajaan dan lebih melibatkan diri dalam demonstrasi dan tindakan Amnesty International. Para pengganda terlatih juga membangunkan aktiviti kokurikulum untuk melibatkan para pelajar dengan lebih lanjut di luar bilik

darjah; dan usaha ini memberi kesan yang lebih meluas kepada komuniti.

Amnesty International Moldova melatih para guru serta para pekerja sosial, pustakawan dan pakar daripada jabatan pendidikan tempatan. Kerja REAP bermula di sekolah dengan melatih 20 guru sebagai pengganda; mereka pula mendidik 166 guru mengenai cara menggunakan bahan hak asasi manusia dalam kurikulum. Bengkel sehari dibuat dengan memberi tumpuan khas kepada topik khusus hak asasi manusia atau cara untuk menubuhkan kelab hak asasi manusia. Para peserta digalakkan membangunkan kaedah pendidikan hak asasi manusia mereka sendiri untuk pelajar mereka dalam bengkel tematik mingguan dan untuk para pelajar menjadi lebih aktif mengenai isu ini di luar bilik darjah.

INOVASI DALAM SUMBER PEMBELAJARAN

REAP telah mengadaptasikan keperluan tempatan dan situasi dengan membangunkan sumber pendidikan hak asasi yang menangani masalah khusus bagi sesebuah negara atau kawasan. Contohnya, usaha REAP di Morocco bersangkutan dengan perubahan dalam undang-undang

Di atas: Sesi latihan guru hak asasi manusia di Rusia.

Kiri: Murid sekolah di Moldova mengambil bahagian dalam pelajaran dengan menggunakan bahan pendidikan hak asasi manusia yang dibangunkan oleh REAP.

‘Saya mengatasi perasaan takut saya dan telah memohon kepada Kerajaan Wilayah Murmansk dengan surat yang menerangkan masalah penempatan kami. Hasilnya, pihak berkuasa telah menubuhkan pejabat pergigian dalam bangunan sekolah dan memeriksa semua kanak-kanak... Pangsapuri kami menjadi lebih hangat akibat daripada penambahbaikan perkhidmatan pembekalan haba. Dan lebih banyak barangan dan keluaran terdapat di kedai kami.’

Peserta REAP, Rusia

untuk membenarkan hak pemulihan terhadap mangsa pencabulan hak asasi manusia. Inisiatif pendidikan hak asasi manusia yang diterajui oleh Amnesty International Morocco menyesuaikan perubahan undang-undang ini dengan memasukkan isu ini ke dalam sesi latihan di sekolah dan aktiviti sosial para pelajar. Untuk mengikuti perkembangan yang sentiasa berubah, Amnesty International Morocco menggabungkan kumpulan kerja pengganda dengan kepakaran dalam pendidikan hak asasi manusia yang secara beriringan mewujudkan sumber pendidikan yang pelbagai. Sementara itu, perkongsian di antara kerajaan dan organisasi tempatan telah membawa kepada pembangunan laman web baru Amnesty International Morocco, yang memberi tumpuan khusus untuk membuat sumber dan bahan yang boleh diakses secara meluas dan digunakan untuk melanjutkan lagi pendidikan hak asasi manusia.

Di Moldova, kursus yang dipanggil "Saya berhak mengetahui hak saya" telah dibangunkan secara bersama oleh pelatih dan guru menggunakan cara penyertaan bersama, kemudian ia dirintis dengan para pelajar untuk mendapatkan input mereka bagi bahan di peringkat akhir. Sumber yang dibangunkan untuk kursus ini termasuk panduan guru, buku latihan pelajar dan buku sumber hak asasi manusia. Pada tahun 2009, kursus ini telah ditampilkan dalam Pendidikan Hak Asasi Manusia dalam Sistem Sekolah di Eropah, Asia Tengah dan Amerika Utara: Ikhtisar Amalan yang Baik, satu sumber bagi guru dan pembuat dasar pendidikan.

Rakan kongsi projek REAP telah mengadaptasikan dan menterjemahkan bahan yang dikumpulkan oleh organisasi hak asasi manusia untuk kegunaan di sekolah. Melalui pewujudan dan penggunaan berbagai jenis bahan pembelajaran, REAP telah membuat sumbangan yang ketara terhadap kurikulum nasional dan telah melibatkan ramai pelajar dalam memahami dan melibatkan diri dalam hak asasi manusia.

'Menyertai Program Pendidikan Hak Asasi Manusia Amnesty International telah memberi saya motivasi secara langsung dan memberi sumbangan dalam cara saya bertindak dan minat saya dalam isu [hak asasi manusia].'

Peserta REAP, Morocco



Para pelajar di Moscow State University membaca laporan Amnesty semasa pelancaran kempen Amnesty International di Rusia.

CADANGAN

CADANGAN UTAMA DARIPADA REAP

- **Membangunkan perkongsian dengan kementerian pendidikan dan penguat kuasa lain untuk memastikan kesan penuh daripada inisiatif pendidikan hak asasi manusia.** Penggabungan dengan penguat kuasa pendidikan memastikan jalan masuk kepada sistem dan pendidik sekolah nasional; menggalak dan mempermudah kemasukan hak asasi manusia ke dalam sektor pendidikan formal. Kurikulum yang bersepadu menambahkan keupayaan jangkauan dan mewujudkan kesan yang berganda dan berkekalan.
- **Melahirkan program latihan guru yang kukuh dan pelbagai dan menyokong sistem demi mengukuhkan kesan penggandaan kerja para guru.** Sama ada membuat latihan susulan bagi pengganda, atau membuka pusat sumber bagi golongan muda yang mengendalikan kelab hak asasi manusia atau inisiatif lain, membina di atas asas kerja terdahulu dan mewujudkan kesinambungan sokongan

untuk memastikan kedayatanganan dan kesan yang lebih besar, adalah penting.

- **Adaptasi sumber pendidikan hak asasi manusia kepada negara atau kawasan anda dengan menangani isu-isu berkaitan dan menggunakan kaedah penyertaan bersama.** Inovasi dalam pembangunan bahan kursus dan latihan memastikan para peserta terlibat, dan membolehkan pengganda memperdalamkan pengertian kerja mereka bersama penduduk tempatan dengan mengaitkan pendidikan hak asasi manusia dengan kehidupan sehari-harian mereka.

**AMNESTY
INTERNATIONAL**



Amnesty International adalah pergerakan global yang merangkumi 2.2 juta ahli di lebih dari 150 negara dan wilayah yang berkempen bagi menamatkan pencabulan hak asasi manusia.

Wawasan kami adalah agar setiap individu dapat menikmati semua hak yang terkandung dalam Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan standard hak asasi manusia antarabangsa lain.

Kami bebas daripada mana-mana kerajaan, ideologi politik, kepentingan ekonomi atau agama - dibiayai terutamanya oleh keanggotaan kami dan sumbangan awam.

Mei 2010
Indeks: POL 32/002/2010

Amnesty International
International Secretariat
Peter Benenson House
1 Easton Street
London WC1X 0DW
United Kingdom
www.amnesty.org